



Headline: Bekas pekerja bank rugi RM167 999.50 ditipu 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Nasional

Date: 18 July 2020

Page: 10

Bekas pekerja bank rugi RM167,999.50 ditipu 'Macau Scam'

BALIK PULAU: Seorang bekas pegawai bank kerugian RM167,999.50 selepas semua wang simpanan lelaki itu ditipu sindiket 'Macau Scam' yang mendakwa mangsa terlibat dalam pengubahan wang haram dalam kejadian baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Barat Daya Supt A.A Anbalagan berkata warga emas berusia 65 tahun itu yang tinggal di Taman Desa Ara, Bayan Lepas di sini menerima panggilan telefon daripada pekerja syarikat kiriman pos memaklumkan terdapat bungkusan miliknya mengandungi sekeping MyKad dan lima kad bank pada 4 Jun lepas.

"Lelaki itu memaklumkan panggilan tersebut kemudiannya disambungkan kepada seorang lelaki yang mendakwa sebagai pegawai polis di Sabah kononnya untuk pengesahan dokumen yang dipos untuk mangsa.

"Selepas pemeriksaan, lelaki menyamar pegawai polis itu mendakwa warga emas tersebut terlibat dengan kegiatan pengubahan wang haram sebelum menyambung lagi panggilan kepada dua lelaki kononnya seorang sarjan dan pegawai polis berpangkat ASP untuk semakan lanjut kes mangsa," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, suspek kemudiannya meminta mangsa menghantar nama pengenalan dan kata laluan akaun bank dalam talian kerana mahu membuat siasatan terhadap duit yang ada dalam akaun lelaki itu seterusnya meminta nombor TAC sebelum dia menyedari wang daripada

akaun banknya ditolak RM9,999.50.

Anbalagan berkata selain itu, sindiket terbabit telah mengarahkan mangsa memindahkan semua wang miliknya ke akaun diberikan mereka kononnya untuk siasatan dan bagi mengelak akaun bekas pekerja bank berkenaan dibekukan kerana terlibat jenayah.

"Mangsa yang percaya telah memasukkan RM167,999.50 termasuk jumlah awal ditolak daripada akaunnya ke dalam akaun diberikan sindiket itu sejak 20 Jun hingga 10 Julai lalu, pemindahan berkenaan dilakukan menerusi mesin juruwang automatik (ATM) serta dipindahkan secara dalam talian," katanya.

Katanya, suspek turut mengarahkan mangsa supaya mengoyak resit pindahan wang yang dilakukannya menerusi mesin ATM supaya tidak menjadi bahan bukti dan lelaki itu hanya menyedari dia ditipu selepas sindiket tersebut terus menghubunginya untuk meminta wang.

Beliau berkata siasatan lanjut masih dijalankan termasuk mengesan ahli sindiket termasuk pemilik-pemilik akaun digunakan untuk memindahkan wang daripada akaun mangsa dan kes itu disiasat menurut Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu menipu.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya kepada individu yang berurusan menggunakan telefon atau media elektronik atau media sosial lain serta tidak sekali memberi butir peribadi atau bank. — Bernama